

Submission date: 28 Ogos 2023    Acceptance date : 6 Jun 2024    Available online: 7 Jun 2024

## **MADRASAH IDRISIAH SEBAGAI MODEL INSTITUSI PENDIDIKAN GERAKAN ISLAH DI MALAYSIA**

### **MADRASAH IDRISIAH AS A MODEL OF ISLAH MOVEMENT EDUCATIONAL INSTITUTION IN MALAYSIA**

\*<sup>i</sup> Zulkifli Hasan

\*<sup>i</sup>, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: \*zulkiflih@usim.edu.my

DOI : <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.125>

### **ABSTRAK**

Sejarah menyaksikan Madrasah atau sekolah agama pernah menjadi nadi utama melahirkan ramai tokoh-tokoh ilmuwan dalam masyarakat serta pejuang kemerdekaan tanahair. Terdapat beberapa institusi pendidikan yang memberikan sumbangan besar seawal abad ke-20 dan antaranya ialah Madrasah Idrisiah di Perak. Berbanding dengan institusi lain, Madrasah Idrisiah adalah unik di mana ia diasaskan oleh Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah I yang telah mendedikasikan harta baginda untuk membiayai Madrasah dan dibangunkan atas konsep wakaf. Madrasah Idrisiah mempunyai tradisi dan pendekatan pendidikan dan tarbiahnya yang tersendiri mengangkat idea integrasi dan keseimbangan ilmu. Seiring dengan usianya yang telah mencecah 100 tahun, Madrasah Idrisiah telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada gerakan Islah dengan melahirkan tokoh-tokoh dan pemikir bersifat terbuka dan rasional menjadi agen pencerahan dan perubahan dalam masyarakat. Madrasah Idrisiah telah membuktikan bahawa sistem pendidikan agama diasaskan oleh Sultan dan disokong oleh Ulama yang menekankan integrasi ilmu mampu terus relevan memberi sumbangan signifikan kepada gerakan Islah dalam masyarakat. Artikel ini menggunakan metode kajian berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data dan menganalisis maklumat daripada sumber rujukan sedia ada seperti karya akademik, kajian-kajian ilmiah termasuk laporan akhbar. Makalah ini memberikan sumbangan yang bermanfaat khususnya dalam aspek dakwah dengan membahaskan model institusi pendidikan agama yang terlibat dengan gerakan Islah di Malaysia.

**Kata Kunci:** Madrasah, pemikiran, gerakan Islah dan pendidikan.

## ABSTRACT

History has witnessed that Madrasahs or religious schools were the birthplace of many prominent scholars as well as fighters for the independence. There are several educational institutions that have made significant contributions as early as the 20th century and among them is Madrasah Idrisiah in Perak. As compared to other educational institutions, Madrasah Idrisiah is unique as it was founded by Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah I who dedicated his wealth to develop the Madrasah based on the concept of *waqf*. Madrasah Idrisiah has its own tradition and approach to education that uphold the idea of integration of knowledge. Along with its 100th anniversary (1922-2022), Madrasah Idrisiah has made a very meaningful contribution to the *Islah* Movement in Malaysia by producing open-minded and rational thinkers who become agents of enlightenment and change in society. Madrasah Idrisiah has proven that the religious education system founded by the Sultan and supported by the Ulama that emphasizes on the integration of knowledge is highly relevant and able to make a significant contribution to the *Islah* movement. This article uses qualitative research methods by using data collection methods and analyzing information from existing references.

**Keywords:** *Religious School, Islah Movement, Educational Reform, Islamic Education*

## PENDAHULUAN

Madrasah Idrisiah diasaskan oleh Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah I Sultan Perak yang ke-28 pada tahun 1922. Sepanjang 100 tahun Madrasah Idrisiah, seramai 7 Sultan yang menaunginya dan ini termasuk Sultan Abdul Jalil Nasaruddin, Sultan Iskandar Shah, Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tazim Bilah Shah, Sultan Yusuf Izzuddin Shah, Sultan Idris Iskandar Al-Mutawakkil Allalah Shah II, Sultan Azlan Muhibbuddin Shah dan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah. Sejarah mencatatkan bahawa Madrasah Idrisiah merupakan institusi pertama yang menggunakan sistem persekolahan moden di samping mengekalkan tradisi sekolah pondok di Perak (Muhammad Zulsyamini, 2022)

Madrasah Idrisiah telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada negara menerusi gerakan *Islah* yang telah dicetuskan semenjak ia ditubuhkan. Gerakan '*Islah*' ini merujuk kepada usaha dan pelaksanaan mencetus perubahan ke arah kebaikan. Selain dari *islah* terdapat juga perkataan lain yang digunakan untuk merujuk kepada perubahan seperti *tanmiya* (pembangunan), *nahda* (*reinassance*), *taghyir* (perubahan), dan *tajdid*

(pembaharuan) . Penulis memilih ‘Islah’ bagi merujuk kepada sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh Madrasah Idrisiah membawa perubahan dalam masyarakat. Gerakan Islah yang dimaksudkan di sini ialah bukan hanya sekadar tertumpu kepada usaha *amar makruf nahi munkar* di dalam kerangka isu-isu moral atau ibadah khusus tetapi merangkumi aspek transformasi pendidikan, kefahaman dan pemikiran masyarakat mengenai Islam (Rujuk Mohammed Hashim Kamali, 2018).

Madrasah Idrisiah berjaya melahirkan tokoh-tokoh dan penggerak gerakan Islah. Selain melahirkan ramai tokoh agama, intelektual, professional, birokrat yang memainkan peranan penting dalam masyarakat, Madrasah idrisiah juga melahirkan tokoh perjuangan kemerdekaan tanahair. Sheikh Abdullah Fahim, Mudir Madrasah Idrisiah Ketiga merupakan pejuang kemerdekaan dan beliau berperanan secara langsung dalam melahirkan ramai pejuang kemerdekaan seperti Ustaz Abu Bakar al Baqir dan Zulkifli Muhammad. Sheikh Abdullah Fahim mendapat pengiktirafan negara dengan menentukan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 (Mokhtar Petah, 1997)

Kini, Madrasah Idrisiah telah memasuki era 100 tahun seabad umurnya. Pengalaman 100 tahun ini pastinya sangat bermakna menempuhi pelbagai cabaran dan ujian. Bermula hanya dengan hanya 23 pelajar, kini Madrasah Idrisiah sudah mampu menampung lebih 500 pelajar daripada Tingkatan Satu sehingga Enam. Madrasah Idrisiah juga mendapat pengiktirafan Arkib Negara dengan secara rasminya diiktiraf sebagai salah satu warisan negara Malaysia pada 31 Mac 2001. Seiring dengan usianya, Madrasah Idrisiah telah membuktikan bahawa sistem pendidikan agama yang menekankan integrasi ilmu pengetahuan mampu terus relevan memberi sumbangan signifikan kepada negara.

### **KAJIAN LEPAS**

Tidak banyak kajian yang dijalankan mengenai peranan Madrasah mengenai perkembangan dan sumbangannya terhadap Gerakan Islah di Malaysia. Kebanyakan penyelidikan atau bahan rujukan sejarah perkembangan Gerakan Islah di Malaysia dipelopori atau didominasi perbahasannya di sekitar perjuangan antara Kaum Muda dan Kaum Tua, tokoh-tokoh tertentu mahupun menerusi dimensi politik. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang cuba menelusuri peranan dan sumbangan Madrasah terhadap perkembangan Islam dan perjuangan kemerdekaan. Jaafar Mat Sani (1975) mengkaji sejarah perkembangan dan pengaruh Madrasah al-Yahyawiyah Padang Rengas. Nabir Abdullah (1976) mencatatkan sumbangan

Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol. Badriyah Salleh (1984) pula menulis mengenai Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiyah-Salihiah. Ini diikuti Sabri Ismail (1985) yang menyentuh sejarah dan perkembangan Madrasah al-Ulum al-Syariah Perak.

Kajian secara khusus mengenai Madrasah Idrisiah pernah dilaksanakan oleh Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari (2010) yang menelusuri sumbangannya bermula 1922 sehingga 2000. Nor Adina Abdul Kadir (2010 dan 2011) pula mengkhususkan penulisannya mengenai Madrasah Idrisiah dan sumbangan dalam konteks pemikiran Islam. Selain itu Salehuddin Md Dahlan, Nor Asiah Mohamad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan (2021) menerbitkan artikel mengenai Wakaf Diraja Perak yang melibatkan Madrasah Idrisiah.

Kajian-kajian di atas adalah penting dan memberikan sumbangan akademik tersendiri mengenai sumbangan Madrasah menerusi perspektif yang pelbagai. Kajian khusus mengenai Madrasah Idrisiah pula meneliti peranan dan sumbangannya terhadap perkembangan pendidikan Islam di Perak. Penulis mendapati masih terdapat banyak ruang untuk menyelidik peranan Madrasah daripada perspektif dan dimensi yang baharu. Artikel ini secara khusus akan cuba meneroka dan menganalisis sumbangan Madrasah Idrisiah menerusi usaha dan idea bersama gabungan antara Sultan dan Ulama di Perak mencetus Gerakan Islah. Madrasah Idrisiah bukan sahaja telah melahirkan tokoh masyarakat dan agamawan yang berjasa tetapi juga menjadi Model sebuah institusi Pendidikan Islam yang lestari dan sejahtera pencetus Gerakan Islah di Perak khususnya dan Malaysia umumnya.

## **MODEL INSTITUSI PENDIDIKAN GERAKAN ISLAH**

### **Peranan Istana**

Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semasa melancarkan sambutan 100 tahun bertitah bahawa penubuhan Madrasah Idrisiah di Bukit Chandan telah mengabsahkan peranan raja Melayu dalam melindungi, memelihara, membangun dan mengembangkan agama Islam. Lokasi Madrasah Idrisiah yang terletak dalam kawasan istana melambangkan institusi Pendidikan dinaungi secara langsung oleh Paduka Seri Sultan dan didukung bersama oleh para pembesar istana dan ulama (Azliza Musa, 2022). Titah ini secara jelas merumuskan bahawa Madrasah Idrisiah sememangnya menjadi bukti kepada hasil usaha bersama antara Sultan dan Ulama yang memberikan sumbangan secara signifikan kepada perkembangan Islam khususnya di Perak dan umumnya di Malaysia.

Bermula dengan idea Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah I yang telah mewakafkan tanah dan hasil sewaan rumah kedai di sekitar Kuala Kangsar. Wakaf ini dikawal selia oleh Pemegang Amanah Ugama dan Khairat Sultan Idris. Kemudiannya, Madrasah Idrisiah terus gemilang dinaungi dan dipayungi Paduka Seri Sultan Perak. Malahan, Sultan Abdul Aziz Al-Mustassim Billah pernah berhasrat untuk menubuhkan Kolej Iskandar pusat pengajian yang lebih tinggi di Madrasah Idrisiah (Muhamad Naim, 2018). Syeikh Abdullah Fahim, Mudir Kedua Madrasah Idrisiah cuba melaksanakan tetapi tersekat kerana Perang Dunia Kedua.

Idea untuk menaiktaraf Madrasah Idrisiah sepertimana dihasratkan oleh Sultan Abdul Aziz Al-Mutassim Billah pernah dihidupkan kembali sekitar 1990an. Semasa kunjungan Sultan Brunei Sultan Hassanah Bolkiah Muizzuddin Waddaulah pada 13 Februari 1992, Madrasah Idrisiah memperlihatkan model bangunan Institut Pengajian Tahassus al Idrisiah yang menelan perbelanjaan sebanyak 12.4 juta. Tabung IPTA juga telah dilancarkan Sultan Perak Sultan Azlan Muhibuddin Shah pada 20 Mei 1997 (Nor Adina Abdul Kadir, 2010). Namun, usaha ini masih belum dapat direalisasikan berikutan pelbagai faktor dan cabaran.

Peranan istana adalah sangat penting terhadap perkembangan Madrasah Idrisiah. Madrasah Idrisiah pernah melalui zaman sukar dan kemerosotan. Dicatatkan bahawa sekitar 1976 sehingga 1984 keadaan Madrasah dari sudut fizikal dan sistem pengajian adalah terbiar dan tidak teratur. Pada waktu ini, Madrasah Idrisiah tidak lagi menjadi tumpuan masyarakat mahupun menjadi pilihan pelajar-pelajar. Walaupun, terdapat pelbagai usaha untuk mengembalikan kegemilangan Madrasah Idrisiah, ia tidak mendapat sambutan Masyarakat (Nor Adina Abdul Kadir, 2010)

Sesuatu yang mesti dicatatkan ialah peranan Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibn Al Marhum Sultan Yusuf Izzuddin GhafarallahuLah mengembalikan kegemilangan Madrasah Idrisiah. Baginda telah membuat kunjungan rasmi ke Madrasah Idrisiah seawal 1984 iaitu pada 5 Oktober dan diberi taklimat oleh pengurusan Madrasah di Rumah Bulat (Ishak Saat dan Mohd Azhar, 2010). Baginda telah menitahkan untuk memulih dan menambahbaik Madrasah Idrisiah daripada aspek akademik, fizikal dan keseluruhannya. Malahan, semasa Muzakarah Ulama dan Majlis Peramsian Bangunan Tambahan Madrasah Idrisiah, baginda menyatakan tiga isu utama institusi pengajian Islam iaitu kurikulum, kemudahan infrastruktur dan sumber kewangan. Sultan Azlan juga mengingatkan *agar* menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu sains serta teknikal.

Keprihatinan Sultan Azlan kemudiannya diikuti oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi yang Menteri Pelajaran pada waktu itu. Beliau telah membuat kunjungan hormat ke Madrasah Idrisiah pada 1985. Sultan Nazrin Shah Ibni Al Marhum Sultan Azlan Shah juga menunjukkan keprihatinan kepada Madrasah Idrisiah. Baginda sejak Raja Muda Perak lagi sering hadir ke Majlis Ihtifal Madrasah Idrisiah. Pada 2022, baginda telah menghulurkan sumbangan sebanyak RM500000 menerusi Yayasan Sultan Azlan Shah untuk pembangunan Madrasah Idrisiah (Muhammad Zulsyamini 2022a).

### **Kesinambungan Murabbi**

Seawal penubuhannya, Madrasah Idrisiah diterajui oleh tokoh ilmuwan hebat yang menjadi rujukan masyarakat. Lebih menarik keempat-empat Mudir terawal Madrasah Idrisiah semuanya mendapat Pendidikan di Mekah. Ini menunjukkan bahawa Madrasah Idrisiah diterajui oleh tokoh ilmuwan yang terkehadapan dan mempunyai ilmu pengetahuan, kebijaksanaan dan pengalaman. Pemilihan Mudir ini juga berkait rapat dengan peranan istana yang mahu melihat institusi Pendidikan seperti Madrasah Idrisiah ini berjaya dan memberi impak yang signifikan. Jawatan Mudir mesti mendapat perkenan Sultan Perak. (Mohammad Redhuan Othman, 1998)

Tuan Haji Muhammad bin Haji Salleh (1922-1924) berasal dari Kelantan dengan latar belakang Pendidikan di Mekah menjadi mudir yang pertama. Tuan Syeikh Abdullah Maghribi (1924-1932) berbangsa Arab yang juga mendapat pendidikan di Mekah menjadi mudir yang kedua. Madrasah Idrisiah semakin popular dan terkenal pada zaman Syeikh Abdullah Fahim bin Haji Ibrahim (1932-1948) Mudir ketiga yang berasal dari Kepala Batas dan juga mendapat pendidikan di Mekah. Syeikh Abdullah Fahim telah berkhidmat selama 16 tahun. Keilmuan, kewarakan dan kehebatan kepimpinan Mudir-mudir Madrasah Idrisiah telah berjaya menarik ramai pelajar dan juga menjadi rujukan masyarakat (Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, 2010).

Tuan Syeikh Haji az-Zubair Haji Ahmad (1948-1976) merupakan mudir yang keempat dan paling lama berkhidmat iaitu selama 28 tahun. Beliau merupakan mendapat pendidikan awal di Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang dan melanjutkan pelajaran di Maahad Dar al-Ulum al-Mukarramah, Mekah. Sheikh Zubir Ahmad dilantik sebagai Mudir bagi menggantikan Sheikh Abdullah Fahim yang kembali ke Kepala Batas, Pulau Pinang. Syeikh Zubair sangat instrumental dengan Madrasah Idrisiah. Beliau bukan sahaja

mengabdikan hidupnya untuk membangunkan sekolah tetapi mewasiatkan sebahagian hartanya untuk membantu pelajar anak yatim. Walaupun pernah dipanggil mengadap Sultan setelah menerima aduan beliau merotan pelajar tidak solat berjemaah, Syeikh Zubair tetap tegas malahan mendapat restu istana (Nor Adina Abdul Kadir, 2011).

Mudir Madrasah Idrisiah kelima dan keenam merupakan mantan Mufti Negeri Perak. Dato' Haji Abu Al-Hasan Ashari bin Abdul Majid (1976 - 1983) berkhidmat sebagai Mudir selama hampir 8 tahun manakala Tuan Haji Nawawi b. Hassan (1982-1985) yang juga bekas pelajar Madrasah Idrisiah selama 3 tahun (Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari, 2010). Projek mentransformasikan Madrasah Idrisiah sesuai dengan perkembangan zaman dan keperluan Pendidikan berlaku semasa era Ustaz Musa bin Zainuddin (1985-1999). Beliau dilantik oleh Sultan Azlan Shah sebagai Mudir ketujuh dan telah berkhidmat selama 14 tahun. Sebagai bekas pelajar dan aktivis masyarakat, beliau telah mencetuskan perubahan dan lonjakan kegemilangan serta kebangkitan Madrasah Idrisiah. Boleh dikatakan beliau adalah tokoh reformasi Madrasah Idrisiah dengan pelbagai idea dan perancangan. Sewaktu era inilah, Madrasah Idrisiah menikmati pembangunan pesat daripada pelbagai aspek merangkumi kualiti Pendidikan dan guru-guru, penambahan pelajar, pengurusan termasuk pembinaan bangunan baharu. Dalam masa kurang 10 tahun Ustaz Musa berjaya membangunkan pembinaan Makmal Sains, Asrama Putera, Dewan Besar, Asrama Puteri dan Bangunan Kelas menelan belanja jutaan ringgit (Nor Adina Abdul Kadir, 2010).

Setelah pemergian Ustaz Musa Zainuddin pada 1999, Ustaz Kamaruddin bin Ahmad (1999-2011) telah dilantik sebagai Mudir kelapan dan telah berkhidmat selama tiga tahun. Sekali lagi sejarah tercipta apabila anakanda sulung Ustaz Musa Zainuddin telah dilantik secara rasmi sebagai Mudir kesembilan bermula pada tahun 2011 sehingga kini iaitu Ustaz El Syazali bin Musa. Ustaz El Syazali yang merupakan bekas pelajar yang mendapat pendidikan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah meneruskan usaha-usaha mencipta kegemilangan baharu Madrasah Idrisiah.

### **Falsafah dan Visi**

Falsafah Madrasah Idrisiah menyebut bahawa 'Pendidikan Madrasah Idrisiah adalah usaha berterusan untuk menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, di landasan faham Ahlus Sunnah Wal Jama'ah, bagi membentuk sikap, kemahiran dan pandangan hidup sebagai seorang *Dai'ilallah* (pendakwah

kepada Allah) yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, alam dan manusia ke arah mencapai *Mardatillah* (Keredhaan Allah) Dunia dan Akhirat. Visi Madrasah Idrisiah pula ialah ‘Melaksanakan sistem pendidikan yang terbaik untuk melahirkan generasi ulama’ dan umara yang gemilang dalam bidang akademik, ko-kurikulum, akhlak dan fizikal yang sihat berpaksikan sistem tadbir urus yang terbaik dan cemerlang’.

Falsafah dan visi Madrasah Idrisiah menepati matlamat pendidikan Islam yang menekankan aspek dunia dan akhirat serta melahirkan insan yang seimbang dan sejahtera. Ini adalah seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamatkan untuk menghasilkan individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

*Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. (Falsafah Pendidikan Kebangsaan).*

Merujuk kepada Falsafah dan visi Madrasah Idrisiah, boleh disimpulkan bahawa ia mengangkat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mengaspirasikan agar pendidikan dapat melahirkan insan yang seimbang dan seterusnya memberikan sumbangan yang bermakna kepada kemakmuran dan keharmonian negara. Berpegang teguh dengan akidah *ahli sunnah wal jamaah* dan konsep *Dai'ilallah* dan *Mardhatillah* merupakan pendekatan yang sangat penting bagi memastikan pelajar yang dilahirkan menerusi tarbiyah Madrasah Idrisiah mempunyai fikrah dan ruh Islah yang seimbang dan *wasatiy*.

### **Nasyid Islah**

Madrasah Idrisiah menjadikan tradisi Nasyid Islah sebagai lagu rasmi sekolah. Lirik nasyid yang sarat dengan makna visi, misi, perjuangan, cita-cita, dan pengorbanan dihafal oleh semua pelajar. Malahan, lirik nasyid ini dicetak sebelah belakang buku tulis Madrasah Idrisiah. Setiap kali perhimpunan, pelajar akan menyanyikan Nasyid Islah ini dengan penuh



bersemangat. Kebiasaannya seorang pelajar akan dipilih mengetuai nyanyian secara bergilir-gilir dan disahuti oleh semua pelajar-pelajar.

Nasyid akan dimulakan dengan doa.

” من المؤمنين رجال صدقوا ما عاهدوا الله عليه فمنهم من قضى نجبة ومنهم من بدلوا تبديلا ”

Terjemahan: Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang telah mereka janjikan kepada Allah; maka di antara mereka ada yang gugur. Dan di antara mereka ada (pula) yang menunggu-nunggu dan mereka tidak merubah janjinya (al-Ahzab: 23)

### Lirik Nasyid

الله ربنا ..... الله الله  
 الله غايتنا ..... الله اكبر الله اكبر  
 الرسول سيدنا ..... الله الله  
 الرسول زاعمنا ..... الله اكبر الله اكبر  
 القرآن امامنا ودستورنا  
 اتحاد جماعة المسلمين هو عملنا  
 الجهاد في سبيل الله سبيلنا  
 الموت في سبيل الله هو أملنا

Nasyid akan disudahi dengan doa

ربنا عليك توكلنا واليك أنبنا واليك المصير

Terjemahan: Ya Tuhan kami, hanya kepada Engkau kami bertawakal dan hanya kepada Engkau kami bertaubat dan hanya kepada Engkaulah kami Kembali (al-Mumtahanah: 4)

Nyanyian Nasyid ini menjadi rutin harian setiap kali perhimpunan pelajar. Ia dihafal oleh semua pelajar dan penulis pasti ia akan diingat sehingga akhir hayat. Makna dan mesej yang terkandung dalam Nasyid ini juga amat jelas menuntut setiap pelajar untuk menjadikan al-Quran, al-Sunnah, Kesatuan Umat Islam dan *Jihad fi Sabilillah* sebagai tujuan hidup. Nasyid dialunkan dengan penuh bersemangat sambil melaungkan kalimah *Allahuakbar*.

Uniknya, Nasyid ini dimulakan dengan doa daripada *Surah al-Ahzab* ayat 23. Ayat ini menyampaikan mesej mendalam kepada semua manusia di mana Allah memuji orang-orang yang imannya jujur yang ikhlas dan tidak mengingkari janji-janji mereka sebagaimana perbuatan orang-orang munafik yang merubah dan menggantikan janji-janji mereka. Maka setiap pelajar perlu sedar akan tanggungjawab dan janji-janji mereka kepada Allah. Nasyid akan diakhiri dengan doa daripada *Surah al-Mumtahanah* ayat 4 yang mengingatkan kepada keperluan bertawakal kepada Allah dan sentiasa bertaubat kepadanya.

Nasyid atau lagu ini walaupun ada yang melihatnya sebagai sesuatu yang kecil dan sekadar nyanyian tetapi ia lebih daripada itu. Ia membawa makna yang begitu besar sekiranya difahami dan akan dapat mempengaruhi pandangan alam seseorang. Penulis percaya semua pelajar Madrasah Idrisiah bangga dengan Nasyid ini yang mereka nyanyikan ratusan kali sehingga hari ini. Setiap kali ada perjumpaan bersama bekas pelajar, Nasyid ini pasti akan dinyanyikan beramai-ramai mengembalikan semangat Islah yang telah ditanam semasa melanjutkan pengajian di Madrasah Idrisiah.

### **Pendedahan Kepada Pemikiran dan Gerakan Islah**

Madrasah Idrisiah menerima pelajar dari seluruh Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Brunei. Ramai tetamu dan pelawat luar negara datang melawat Madrasah Idrisiah seperti dari negeri China, Arab Saudi, Thailand, Indonesia, Brunei, Singapura dan lain-lain. Madrasah Idrisiah juga mempunyai jaringan dengan institusi pengajian agama serantau seperti di Indonesia. Secara tradisinya, Madrasah Idrisiah bukan hanya dikenali di peringkat negeri atau nasional tetapi serantau. Kelebihan ini sedikit sebanyak memberikan pendedahan bermanfaat kepada perkembangan dunia serantau.

Di peringkat awal penubuhan, Madrasah Idrisiah sudah terkenal dengan Gerakan Islah bersifat lebih terbuka. Usaha yang dijalankan telah mencetuskan kebangkitan dan kesedaran dalam masyarakat dengan pemikiran yang progresif. Tenaga pendidik dan pelajar telah didedahkan dengan perkembangan dunia luar dan dalam negara menerusi akhbar dan majalah

seperti Idaran Zaman dan Al-Ikhwan. Syeikh Abdullah Fahim umpamanya telah memperkenalkan prinsip Pendidikan Madrasah Idrisiah yang bersifat *wasatiy* terbuka dan meraikan kepelbagaian (Ermy Azziati et. al, 2021)

Legasi Gerakan Islah ini diteruskan oleh generasi baharu Madrasah Idrisiah menerusi pendekatan yang sedikit berlainan. Gerakan Islah bermula era 1980an telah berjalan menerusi aktivisme kemasyarakatan menggunakan jaringan bersama gerakan Islam seperti Kesatuan Pelajar Islam Perak, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia. Pelajar-pelajar telah dilatih dengan kepimpinan, kemahiran insaniah, pengurusan program, penyediaan kertas kerja dan sebagainya. Pendekatan ini telah berjaya melahirkan pelajar yang mempunyai kualiti kepimpinan dan memiliki pemikiran Islah dalam masyarakat. Penulis sendiri merupakan antara pelajar yang melalui latihan dan tarbiyah ini bersama Kesatuan Pelajar Islam Perak.

Kesatuan pelajar Islam Perak sememangnya subur di Madrasah Idrisiah. Ustaz Musa Zainuddin, Mudir Ketujuh secara rasmi memberikan kebenaran malahan menggalakkan Kesatuan Pelajar Islam Perak (KPIP) bergerak secara aktif di Madrasah Idrisiah. KPIP dapat mendedahkan pelajar dengan selok belok gerakan Islam dan idea-idea pemikiran Islah. KPIP menjadikan Madrasah Idrisiah sebagai markas dan pejabat bagi menggerakkan aktiviti dan program dengan masyarakat.

Nama-nama besar KPIP yang juga aktivis gerakan Islah seperti Cikgu Abdul Rahman Najib Mohd Noor, Cikgu Abdul Rahim Sabli dan Cikgu Mustafa Bakar diambil bertugas sebagai tenaga pengajar di Madrasah Idrisiah. Cikgu Mustafa Bakar selaku Setiausaha Agung pada 1992-1997 juga merupakan warden asrama dan guru memainkan peranan yang signifikan membimbing pelajar dalam dunia dakwah. Pelajar sering kali menghadiri seminar, kolokium, forum, konvensyen dan majlis ilmiah sepanjang menuntut ilmu di Madrasah Idrisiah.

Selain itu, program Usrah juga diperkenalkan dan dilaksanakan secara sistematik. Usrah telah banyak membantu meningkatkan keyakinan, kefahaman, daya intelektual, adab berbeza pandangan serta kepimpinan. Seawal tingkatan satu, usrah diperkenalkan dengan bimbingan naqib-naqib. Usrah mendedahkan pelajar dengan kitab-kitab muktabar, buku-buku kontemporari, tokoh-tokoh ilmuwan termasuk isu-isu semasa. Usrah juga mengeratkan hubungan pelajar antara satu sama lain.

Fikrah ini diperkukuhkan lagi menerusi matapelajaran khas *Fiqh Haraki*. Madrasah Idrisiah pernah menjadikan karya Siddiq Fadzil, *Minda Melayu Baru* sebagai teks rujukan dan perbincangan pelajar-pelajar. *Minda Melayu Baru* merupakan buku penting kepada semua yang ingin terlibat dengan Gerakan Islah terutamanya dalam konteks orang Melayu dan Malaysia. Buku ini mampu mengubah pandangan alam dan cara berfikir masyarakat agar menjadi lebih dinamik dan progresif (Siddiq Fadzil, 1992). Pembentukan fikrah menerusi penelitian dan perbincangan karya-karya besar ini sememangnya sangat penting untuk membina pemikiran yang terbuka dan berdaya maju.

### **Pembangunan Pelajar dan Pembentukan Syahsiyah**

Seiring dengan falsafahnya, Madrasah Idrisiah menekankan aspek keseimbangan dan integrasi ilmu. Madrasah Idrisiah telah menggabungkan sistem pengajian pondok dengan silibus pelajaran arus perdana. Pembangunan pendidikan bukan hanya melihat aspek penguasaan ilmu tetapi juga kepimpinan dan kemahiran insaniah pelajar-pelajar. Sejak 1960an Madrasah Idrisiah telah mempelbagaikan aktiviti kurikulum dan ko-kurikulum.

Di samping matapelajaran agama diajar dalam Bahasa Arab, Madrasah Idrisiah juga memperkenalkan matapelajaran Bahasa Inggeris dan akademik sejak awal lagi. Integrasi pelajaran agama dan akademik menjadi agenda utama selaras dengan perkembangan pendidikan pada zaman itu. Penguasaan Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab yang sememangnya menjadi pra-syarat bagi menentukan sejauh mana seseorang pelajar itu dapat menempatkan dirinya sama ada di arena tempatan ataupun meneroka persada dunia.

Pembangunan pelajar Madrasah Idrisiah menekankan empat komponen penting pembinaan diri iaitu Idealisme, Intelektualisme, Aktivisme dan Spiritualisme. Empat aspek penting ini merupakan antara ciri keseimbangan individu yang cemerlang jasmani, emosi, rohani dan intelektualnya. Kecemerlangan akademik sahaja tidak mencukupi, kemahiran insaniah, komunikasi dan ketrampilan diri perlu diasah bagi memastikan pelajar mampu mencapai keseluruhan potensi diri secara maksimum.

Aspek tarbiah adalah sangat penting bagi membentuk syahsiyah pelajar. Kelainan yang diperkenalkan Madrasah Idrisiah dari aspek tarbiah ialah Program Orientasi 40 Hari. Mudir Ustaz Musa Zainuddin merupakan insan yang memperkenalkan idea Orientasi 40 Hari bagi pelajar Tingkatan Satu yang baru mendaftar. Selama 40 hari ini, ibubapa dilarang

melawat, program adalah amat padat, solat sentiasa berjemaah, *al-mathurat* menjadi zikir harian dan pelajar dibimbing dengan amalan kerohanian. Semua pelajar diwajibkan menghafal beberapa surah penting yang seperti Surah *as-Sajadah*, *al-Insaan* dan *Yassin*. Program Orientasi 40 Hari ini merupakan antara pendekatan paling berkesan bagi membentuk pemikiran dan kefahaman awal Gerakan Islah kepada pelajar.

Menyentuh aspek kepimpinan, selain Majlis Pengawas, Madrasah Idrisiah juga telah memperkenalkan sistem Majlis Perwakilan Pelajar. Majlis Pelajar Madrasah Idrisiah (MPMI) ini telah ditubuhkan sejak tahun 1986. Pada peringkat awal penubuhannya, ia berperanan untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah berkaitan dengan pelajaran dan kemudiannya MPMI menjadi nadi kepada gerakan pelajar. MPMI telah memainkan peranannya tersendiri mengatur dan menguruskan pelbagai program dan inisiatif untuk Madrasah Idrisiah.

Pemilihan MPMI dibuat menerusi Pilihanraya. Pengawas dipilih oleh guru-guru tetapi MPMI dipilih oleh pelajar-pelajar menerusi undian. Madrasah menetapkan peraturan termasuk kempen dan penerangan manifesto calon. Perkara ini telah mendedahkan pelajar-pelajar seawal peringkat sekolah menengah mengenai tanggungjawab dan juga pengetahuan politik. Setelah dicalonkan, calon akan berkempen dan menerangkan manifesto masing-masing kepada pelajar-pelajar lain. MPMI ini kemudiannya telah dimansuhkan dan diganti dengan penubuhan Majlis Syura Sekolah.

Selain itu, antara tradisi yang sehingga hari ini dikekalkan ialah aktiviti Nadhil Khutobah atau Kelab ucapan. Pelajar-pelajar didedahkan dengan pengucapan awam dan diberikan peluang untuk menunjukkan bakat mereka dalam pelbagai program. Kegiatan bersyarah dan berbahas ini berjaya melatih para pelajar untuk berucap dikhalayak ramai sekaligus dapat meningkatkan lagi tahap kemahiran dan keyakinan diri. Tradisi ini masih diteruskan dan ia menjadi antara mekanisme yang sangat berpengaruh bagi melatih pelajar-pelajar untuk membina kekuatan kepimpinan dan pemikiran.

Bagi memberikan pendedahan dan latihan kepimpinan kepada pelajar-pelajar, Madrasah Idrisiah juga telah memperkenalkan program Simulasi Mahkamah Pelajar. Mahkamah ini telah ditubuhkan pada tahun 1998 dengan tujuan memberi latihan dan kemahiran berhujah kepada pelajar (Nor Adina Abdul Kadir, 2010). Pengalaman pelajar berhujah di Mahkamah ini telah dapat membantu memupuk sifat berani dan kekuatan

berhujah secara berhemah pelajar. Mungkin usaha ini Nampak kecil tetapi ia sebenarnya mampu untuk memberikan pengalaman bermanfaat kepada pelajar yang akan menjadi pemimpin di masa hadapan.

### **Kelestarian Kewangan**

Madrasah Idrisiah diasaskan menerusi konsep wakaf yang menjamin kelestarian kewangannya. Mungkin tidak keterlaluan dikatakan bahawa Madrasah Idrisiah adalah model wakaf institusi Pendidikan agama yang mampan dan lestari (Salehuddin, Nor Asiah dan Nuarrual, 2021). Wakaf Sultan Idris ini telah memberikan manfaat yang berterusan kepada kelestarian Madrasah Idrisiah sejak ia ditubuhkan.

Selain itu, pada tahun 1938 Biasiswa Iskandar bersempena nama Sultan Iskandar Qaddasallah Shah telah diperkenalkan (Ishak Saat dan Mohd Izhar, 2010). Mudir Madrasah idrisiah Ketujuh iaitu Ustaz Musa Zainuddin merupakan salah seorang penerima Biasiswa Iskandar. Biasiswa ini telah memberikan banyak manfaat kepada pelajar malahan berjaya menaikkan prestasi akademik.

Walaupun Wakaf Sultan Idris dapat memberikan pendapatan kepada Madrasah Idrisiah secara berterusan (Salehuddin, Nor Asiah dan Nuarrual, 2021). namun, melihat kepada keperluan semasa dan masa hadapan, sumber kewangan perlu dipelbagai dan pertingkatkan. Sekiranya ingin memajukan Madrasah Idrisiah ini dengan lebih pesat dan progresif, wakaf dan instrumen lain perlu ditambah dan diperkembangkan lagi. Idea penubuhan Yayasan atau Tabung Amanah Madrasah Idrisiah antara yang boleh diusahakan bagi maksud menjana sumber kewangan tambahan untuk membiayai projek dan inisiatif di masa hadapan.

### **SUMBANGAN MADRASAH IDRISIAH DAN GERAKAN ISLAH**

Perkembangan Islam termasuk perjuangan kemerdekaan tanahair di Perak banyak berpusat kepada institusi Madrasah dan kepimpinannya. Tatkala kesedaran Islam dan perjuangan menentang penjajahan masih rendah dalam masyarakat, Madrasah Idrisiah memainkan peranan yang signifikan mencetuskan kebangkitan menerusi pendekatan pendidikan dan tarbiah termasuk penulisan. Di era pasca kemerdekaan pula, Madrasah Idrisiah meneruskan tradisinya mencetak lebih ramai agamawan, tokoh masyarakat, profesional, pimpinan politik

dan cendekiawan. Malahan, Madrasah Idrisiah menjadi nadi dan penggerak kepada gerakan Islah dan pembangunan anak muda menerusi Kesatuan Pelajar Islam Perak, Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia.

### **Melahirkan Tokoh Gerakan Islah**

Sejarah menyaksikan Madrasah Idrisiah dari 1922 sehingga hari ini telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh dan intelektual dalam masyarakat yang memberikan sumbangan besar kepada umat. Dengan keilmuan dan pendidikan dimiliki, ramai keluaran Madrasah Idrisiah memegang jawatan penting, strategik, pimpinan komuniti dan organisasi dan juga menjadi rujukan masyarakat.

Mufti Perak seakan secara tradisinya mendapat pendidikan di Madrasah Idrisiah. Haji Sha'aya bin Abdul Majid, Mufti Kerajaan Negeri Perak ke-4, Dato' Haji Abu Hassan bin Abdul Majid, Mufti Kerajaan Negeri Perak ke-5, Dato' Seri Haji Abdul Malek bin Haji Nordin, Mufti Kerajaan Negeri Perak ke-7 dan Tan Sri Dato Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria, Mufti Kerajaan Negeri Perak ke-8 kesemuanya pernah mendapat Pendidikan di Madrasah Idrisiah. Sumbangan Mufti keluaran Madrasah Idrisiah ini adalah begitu signifikan terutama kepada perkembangan Islam di negeri Perak. Tan Sri Dato Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria, Presiden Persatuan Bekas Pelajar Madrasah Idrisiah merupakan antara Mufti paling lama berkhidmat iaitu bermula 1985-2021. Beliau telah meninggalkan legasi yang begitu berharga kepada perkembangan Islam di Negeri Perak (Harussani Zakaria, 2018).

Ustaz Abu Bakar al-Baqir tokoh reformis dan kemerdekaan yang merupakan bekas pelajar dan tenaga pengajar Madrasah Idrisiah telah menubuhkan Maahad II Ihya AsSyarif di Gunung Semanggol. Beliau pernah belajar di Madrasah Idrisiah selama dua tahun dari 1930-1931 dan menjadi tenaga pengajar pada 1932-1934 sebelum ke Maahad. Maahad ini kemudiannya menjadi sangat instrumental dengan perjuangan kemerdekaan tanahair. Beliau menubuhkan Parti Hizbul Muslimin pada 1948 dan terlibat aktif dengan gerakan kemerdekaan tanahair (Nor Adina Abdul Kadir, 2010). Pendidikan dan tarbiah yang diperolehi di Madrasah Idrisiah telah membentuk pemikiran Islah Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang telah mencetuskan fenomena kebangkitan dan kesedaran orang Melayu untuk menentang penjajahan.

Dari sudut pimpinan politik, Madrasah Idrisiah melahirkan ramai tokoh politik seperti Mohd Nakhaie Haji Ahmad, Abdul Hamid Othman dan Zulkifli Muhammad. Zulkifli Muhammad tokoh tidak asing lagi dengan gerakan politik Islam pernah melanjutkan pengajiannya di Madrasah Idrisiah dari 1943 sehingga 1945 (Mohktar, 1983). Abdul Hamid Othman pula adalah ahli akademik yang terjun ke dunia politik dan pernah memegang jawatan Menteri dan Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Madrasah Idrisiah secara tradisinya mempunyai keakraban dengan institusi Pendidikan dan ulama di nusantara seperti Lebai Said dari Minangkabau, Kadhi Besar Sayyid Abdullah Abu Bakar al Attas, Syekhul Islam Syekh Tahir Jalaluddin al Afghani dan Syekh Islam Muhammad Salleh. Syekh Tahir pernah menetap di Kuala Kangsar menjadi penasihat Sultan Idris, pengasas Madrasah Idrisiah. Jaringan ini menunjukkan bahawa Madrasah Idrisiah mempunyai hubungan dengan tokoh-tokoh Gerakan Islah serantau khususnya di Indonesia (Muhamad Naim Bin Md. Taib, 2018).

### **Penggerak Gerakan Islah**

Seawal penubuhannya Madrasah Idrisiah memainkan peranan tersendiri memberikan sumbangan kepada masyarakat. Madrasah Idrisiah menerusi pendidikan dan tarbiah berjaya menerapkan kefahaman Islam yang progresif serta terbuka. Gerakan Islah yang diterapkan oleh mudir dan tenaga pengajar Madrasah Idrisiah telah menyuntik semangat dan kesedaran perjuangan menentang penjajahan dan kefahaman Islam yang progresif.

Setelah Merdeka, Madrasah Idrisiah meneruskan Gerakan Islah ini secara berhikmah. Hubungan erat dengan istana menjadi pemangkin kepada usaha-usaha perkembangan Islam khususnya di negeri Perak. Sultan Perak memainkan peranan yang amat signifikan kepada perkembangan dan pembangunan Madrasah Idrisiah. Menerusi tarbiah dan Pendidikan, pelajar-pelajar keluaran Madrasah Idrisiah terus memberikan sumbangan tersendiri dalam mengislahkan masyarakat.

Di era 1980an bermulanya Madrasah Idrisiah terlibat dengan Gerakan Islam secara sistematik dan berstruktur. Tenaga pengajar Madrasah Idrisiah bergerak aktif dengan Angkatan Belia Islam Malaysia, Kesatuan Pelajar Islam Perak dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia. Madrasah Idrisiah pernah dijadikan Ibupejabat Kesatuan Pelajar Islam Perak. Pelajar-pelajar dilatih dengan pelbagai kemahiran kepimpinan menerusi



aktivisme bersama pertubuhan ini. Ketika itu, penulis merupakan pimpinan pelajar iaitu Presiden Majlis Perwakilan Pelajar Madrasah Idrisiah.

Malahan tenaga pengajar Madrasah Idrisiah menerajui kepimpinan Gerakan Islam seperti Abdul Rahman Najib, YDP KPIP 1985-1986, Mustafa Bakar, YDP KPIP 1999-2001 dan Khairul Anwar El Sazali, YDP KPIP 2003-2004. Pelajar Madrasah Idrisiah juga menerajui PKPIM seperti Mohd Zaidi Aziz, Presiden PKPIM 2001-2003, Hasri Harun, Timbalan Presiden PKPIM 1999-2000. Begitu juga dengan ABIM, Hasri Harun, YDP ABIM Selangor 2004-2006 dan Naib Presiden ABIM Pusat 2013-2015, Presiden MISG ABIM UK-Eire 2009-2010 dan Zulkifli Hasan, YDP ABIM Negeri Sembilan 2013-2018. Begitu ramai lagi tenaga pengajar dan pelajar-pelajar Madrasah Idrisiah yang terlibat secara langsung dengan aktivisme kemasyarakatan menerusi Gerakan Islam yang menggunakan wadah gerakan masyarakat sivil (KPIP, 2024).

### **Idea Islam *Wasatiy***

Madrasah Idrisiah telah menerapkan idea Islah Islamiah yang diilhamkan sejak zaman Syeikh Abdullah Maghribi (Ishak Saat dan Mohd Azhar, 2010). Islah Islamiah mengajak seluruh masyarakat Kembali kepada ajaran Islam yang sahih dan syumul dan mengelakkan daripada taksub dan *taqlid* tanpa kekuatan ilmu. Perubahan yang dibawa oleh Madrasah Idrisiah membawa tafsiran baru konsep ibadah yang progresif merangkumi aspek ibadah khusus dan segenap aspek kehidupan termasuk pendidikan, sosio-ekonomi dan politilk.

Syeikh Abdullah Fahim pernah menggariskan prinsip Pendidikan Madrasah Idrisiah iaitu *Tahqiq* berdasarkan tafsir muktabar, meneliti hadis dengan mendalam, mengikut matan-matan ilmu tauhid dan fiqah, menetapkan ujian secara berterusan, semangat belajar dan mengajar, menyebarkan kefahamannya, tidak menimbulkan masalah khilafiah mengambil pandangan *ahli sunnah wal jamaah* dan azhab Syafie, latihan rohani dan ibadah dan menggunakan kitab bahasa arab dalam semua matapelajaran (Ishak Saat dan Mohd Izhar, 2010). Sebagai pakar rujuk dan penasihat kepada istana dan pimpinan politik, Syeikh Abdullah Fahim tidak menyarankan penentangan penjajahan menerusi revolusi atau kekerasan. Beliau menasihatkan agar kaedah perundingan secara berhikmah dilaksanakan untuk memperjuangkan kemerdekaan. Proses kemerdekaan boleh berlaku dalam suasana harmoni tanpa pertumpahan darah menerusi rundingan dan perbincangan (Nor Adina Abdul Kadir, 2010).

Madrasah Idrisiah menekankan pengajian menggunakan kitab-kitab muktabar termasuk karya oleh ulama kontemporari. Sebagai contoh, Syeikh Abdullah Maghribi. Mudir Kedua Madrasah Idrisiah menggalakkan pengajian tafsir al-Quran dengan menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti Tafsir al-Jalalain, Tafsir Baidhawi, Al-Khazain, Al-Nasafi dan Ibn Abbad termasuk Tafsir al-Maraghi dan Tafsir Juzuk Amma yang dikarang oleh Sheikh Rashid Rida dan Sheikh Muhammad Abduh (Muhamad Naim Bin Md. Taib, 2018). Pendekatan yang meraikan kepelbagaian pemikiran ini menghasilkan generasi yang *wasatiy* dan seimbang tidak cenderung kepada fanatisme mahupun taasub kepada sesuatu fahaman.

Bagi menyebarkan idea Islam *wasatiy* ini, Madrasah Idrisiah pernah menyaksikan penghasilan dan penerbitan majalah yang menjadi rujukan masyarakat. Antara majalah yang diterbitkan oleh pihak Madrasah adalah Panduan (1934-1935). Pada bulan November 1934, majalah Panduan mula diterbitkan oleh guru Madrasah Idrisiah sendiri iaitu Tuan Haji Mohamad dibantu oleh anak muridnya Haji Mohd. Noor Faiz sebagai pengarang. Majalah ini diterbitkan secara bulanan oleh Syarikat percetakan Al-Zainiah di Taiping, Perak mempunyai 32 halaman bercetak dengan harga \$0.20 seunit (Muhamad Naim Bin Md. Taib, 2018). Selain itu, Mudir Madrasah Idrisiah, Ustaz Musa Zainuddin pernah memegang amanah sebagai ketua Pengarang Majalah Suara Majlis selama lebih 8 tahun (Muhamad Naim Md. Taib, 2018). Majalah ini menyebarkan idea-idea progresif perkembangan Islam dan pemikiran Islah yang perlu ada pada setiap pejuang atau pendakwah.

## KESIMPULAN

Dunia hari ini penuh dengan cabaran yang serba hebat. Dalam era abad ke-21 ini, dengan cabaran dalaman dan luaran, Madrasah Idrisiah akan terus cemerlang melahirkan tokoh-tokoh ilmunan dan intelektual serta aktivis yang sentiasa menyumbang kepada umat dan masyarakat. Madrasah Idrisiah sememangnya menjadi bukti mengabsahkan peranan Raja Melayu memperkembang, mempertahankan dan melindungi agama Islam dengan disokong oleh Ulama. Sultan Idris Mursyidul Adzam Shah I telah mendedikasikan harta baginda untuk membiayai Madrasah atas konsep wakaf. Sehingga hari ini, Madrasah Idrisiah terus berbakti menjadi model institusi Pendidikan agama yang signifikan bertindak sebagai agen Gerakan Islah dalam masyarakat. Dengan tradisi dan pendekatan pendidikan dan tarbiahnya yang tersendiri

mengangkat idea integrasi dan keseimbangan ilmu, Madrasah Idrisiah telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada Gerakan Islah di Malaysia. Tradisi dan legasi Islah yang dicipta oleh generasi terdahulu Madrasah Idrisiah mesti diteruskan oleh generasi hari ini dan akan datang. Madrasah Idrisiah sememangnya memberikan contoh terbaik sebagai Model Institusi Pendidikan Agama yang Lestari mengangkat agenda Islah dalam masyarakat.

### PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Madrasah Idrisiah dan Persatuan Bekas Pelajar Idrisiah di atas sokongan dan bantuan bagi menjalankan kajian dan penyediaan artikel ini.

### RUJUKAN

- Azliza Musa. (2022). *Madrasah Idrisiah absahkan peranan raja Melayu kembangkan Islam*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/10/madrasah-idrisiah-absahkan-peranan-raja-melayu-kembangkan-islam/>
- Badriyah Haji Salleh. (1984). *Kampung Haji Salleh dan Madrasah Saadiah-Salihiah, 1914-1959*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ermy Azziaty Rozali, Ameer Yuwsuef Khan Zubair Khan & Syaidatun Nazirah Abu Zahri. (2021). Peranan Sheikh Abdullah Fahim Dalam Pendidikan Dan Politik Masyarakat Melayu. *International Journal of West Asian Studies*, 13: 288-298
- Harussani Zakaria. (2018). *Memoir Harussani Zakaria: Dia Akan Jadi Mufti*. Sintok: UUM.
- Ishak Saat dan Mohd Azhar Bahari. (2010). *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan 1922- 2000: Sumbangan dan Kejayaan*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Jaafar Mat Sani. (1975). *Madrasah al-Yahyawiyah Padang Rengas: Satu Kajian Tentang Sejarah Perkembangan dan Pengaruhnya*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.
- KPIP. (2024). *Kesatuan Pelajar Islam Perak*. Wikipedia. [https://ms.wikipedia.org/wiki/Kesatuan\\_Pelajar-Pelajar\\_Islam\\_Perak](https://ms.wikipedia.org/wiki/Kesatuan_Pelajar-Pelajar_Islam_Perak)
- Mohammad Redzuan bin Othman (1998), The Role of Makka Educated Malay in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malay, *Journal of Islamic Studies*, 9:2.
- Mokhtar Petah. (1983). *Zulkifli Muhammad: Pelopor Angkatan Islam di Malaysia*. Subang Jaya: Penerbitan Tra-Tra.
- Mokhtar Petah. (1997). *Sheikh Abdullah Fahim, Penentu tarikh kemerdekaan negara, 31 Ogos 1957*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohammed Hashim Kamali. (2018). *Tajdid, Islah, and Civilizational Renewal in Islam*. Washington & London: IIIT.

- Muhamad Naim Md. Taib. (2018). *Institusi Madrasah Dalam Gerakan Politik Kepartian Dan Perjuangan Menuntut Kemerdekaan Di Perak, 1900-1957*, Tesis Sarjana, Kuala Lumpur. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Zulsyamini Sufian Suri. (2022, 15 Oktober). *Madrasah Idrisiah Hasil Tuaian Kerjasama Istana, Ulama, Pemimpin Dan Rakyat*. Berita Harian.
- Muhammad Zulsyamini Sufian Suri. (2022, 15 Oktober). *Yayasan Sultan Azlan Shah Sumbang RM500000 Kepada Madrasah Idrisiah*. Harian Metro.
- Nor Adina Abdul Kadir. (2011). “Peranan Ulama Dalam Perkembangan Intelektualisme Di Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Perak Sebelum Merdeka”. dalam Ahmad Faisal Abdul Hamid (eds.). *World Congress For Islamic History And Civilization: Islam And Education*, Organizer Department Of Islamic History and Civilization, Academy Of Islamic Studies University Of Malaya, 10-11 Oktober 2011.
- Nor Adina Binti Abdul Kadir. (2010). *Madrasah Idrisiah Bukit Chandan Kuala Kangsar Perak: Sejarah dan Sumbangan Terhadap Pendidikan Islam Dari Tahun 1985-1999*, Tesis Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sabri Haji Ismail. (1985). *Madrasah Al-Ulum Al- Syariah Perak 1937-1977: Satu Kajian Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salehuddin Md Dahlan, Nor Asiah Mohamad dan Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2021). Royal Waqf in Perak: A Legal and Historical Analysis, *IJUM Law Journal*, 29 (2), 299-329.
- Siddiq Fadzil. (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian